

17 OCT 1997

Belanjawan-Mahathir

DR MAHATHIR YAKIN BELANJAWAN '98 DAPAT TARIK PELABUR TULEN

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini yakin bahawa Belanjawan 1998 akan dapat menarik pelabur tulen ke negara ini.

"Belanjawan kali ini tidak akan menjejaskan pelabur tulen terutama pelabur yang mendirikan kilang, mengeluarkan barangan dan mengadakan perniagaan di negara ini," katanya kepada pemberita di ruang legar Parlimen selepas pembentangan Belanjawan 1998 oleh Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut beliau, mereka yang tidak puas hati (dengan belanjawan) ialah mereka yang berniaga wang.

"Mereka ini beli duit. Kadang-kadang mereka beli saham dan belipun tidak kekal. Mereka beli saham dengan harapan saham itu meningkat. Lepas itu bila saham naik, mereka ambil keuntungan dan pergi ke negara lain," katanya.

Pada persidangan berita selama kira-kira 20 minit itu, Dr Mahathir yang kelihatan masih kurang sihat, tetap melayani soalan yang diujungi oleh para wartawan tempatan dan asing.

Ketika ditanya apakah Belanjawan '98 itu dianggap "perit", beliau berkata: "Ia tidaklah satu belanjawan yang perit tetapi selama ini kita telah menikmati kemakmuran. Jadi ia mungkin kurang selesa sedikit."

"Belanjawan kali ini tidak seperti belanjawan pada tahun-tahun lepas. Selama sembilan tahun kita mengalami pertumbuhan ekonomi yang baik. Tahun ini kita menghadapi masalah kejatuhan mata wang.

"Dan daripada apa yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bahawa fundamental kita cukup baik dan tak ada sebab kenapa ada orang yang kononnya kurang yakin tentang ekonomi kita sehingga menyebabkan kita mengalami kejatuhan mata wang," katanya.

Ketika ditanya apakah langkah dan strategi yang diambil oleh kerajaan dalam mengatasi masalah kejatuhan ringgit, beliau berkata, "strategi itu ada tetapi orang yang menekan mata wang ringgit ini tidak peduli mengenai strategi kita atau kedudukan sebenar wang kita atau fundamental kita kerana mereka mempunyai kepentingan lain."

Dr Mahathir berkata adalah sukar untuk mengawal sistem dagangan yang sedia ada yang dibentuk oleh pedagang nilai mata wang sendiri.

"Mereka ini boleh mengadakan ringgit yang banyak untuk mereka jual dalam pasaran. Sebagai contoh, kalau mereka mempunyai AS\$1 bilion, mereka boleh pinjam daripada bank dengan 20 bilion. Dengan wang yang banyak ini mereka boleh beli atau pinjam ringgit yang dimiliki oleh warga asing," kata Dr Mahathir.

"Mereka ini akan pinjam dan jual ringgit dengan harga yang murah. Dengan ini nilai ringgit pun jatuh dan wang yang ada pada mereka ini lebih besar daripada pendapatan negara kita dan negara-negara lain.

"Sebab itulah nilai ringgit jatuh. Bukan ada sesuatu yang lemah dalam ekonomi negara kita," tegasnya.

Ketika ditanya apakah keadaan itu (kejatuhan ringgit) akan berterusan, Perdana Menteri berkata selagi kumpulan orang berkenaan bebas membuat dagangan mata wang tanpa kawalan, tidak ada sebuah negara membangun yang terselamat.

"Mereka itu akan mengambil untung dari sesebuah negara, jejjaskan ekonomi negara berkenaan dan setelah untung banyak mereka pindah ke negara lain." tegasnya.

Bila ditanya mengenai keputusan kerajaan untuk menangguhkan buat sementara pembinaan beberapa projek prasarana besar termasuk hidroelektrik Bakun, Dr Mahathir berkata, "Secara jelas, kita mempunyai wang...kita boleh teruskan projek-projek itu. Mereka adalah projek besar dan prasarana secara eksklusif. "Tetapi seperti yang anda ketahui jika saya kata bahawa kita akan teruskannya bila kita ada duit, dengan serta-merta ia akan dijadikan satu alasan untuk menyerang ringgit dan memastikan yang kita tidak akan mempunyai wang. Saya tak tahu apakah keuntungan kepada mereka," tambahnya.

Menjawab satu lagi pertanyaan mengenai kenapa beralih kepada teknologi maklumat memandangkan ekonomi negara tidak begitu memuaskan, Perdana Menteri berkata, "sebenarnya kita tiada pilihan. Kita sudahpun menghadapi kekurangan pekerja dan jika kita mahu ekonomi berkembang dan untuk meningkatkan pendapatan rakyat, kita perlu beralih kepada IT.

"Dalam IT terdapat lebih banyak asas pengetahuan. Pendapatan dan nilai yang ditambah akan lebih besar dan dengan itu ekonomi akan berkembang tanpa perlu mengimport lebih banyak pekerja," tambahnya. -- BERNAMA

NZ SIA